

HappyHome

Friends. Always.



Tuliskan pengalaman ringkas tentang perbuatan baik anda terhadap orang lain di sini. Anda juga boleh mencentakan peristiwa perbuatan baik orang lain terhadap anda dan perasaan anda.

Butiran Murid

Name: _____

Umur: _____ Sekolah: _____

Riang Ria Mewarna Happy Home

<http://www.happyhome.com.my/my/riang-mewarna>



Happy Home

Syarikat Happy Home ditubuhkan pada tahun 1999 dan kini memberi layanan mesra kepada rakyat Malaysia selama 20 tahun. Ia telah mengekalkan posisi sebagai suatu bahagian integral komuniti tempatan di setiap lokasi ia berada. Selain itu, Happy Home juga sering mencapai trend dari segi kidmat pelanggan dan barangan yang dijual. Menjelang tahun 2019, Happy Home telah membuat satu komitmen untuk menjadi kedai pilihan utama bagi barangan rumah danengkapan perniagaan. Kami di Happy Home berharap agar adik-adik yang bersekolah dapat mengisi masa lapang atau hujung minggu secara terhibur dengan lembaran mewarna kami. Happy Home kini telah menyediakan pelbagai barangan kelengkapan persekolahan bagi memudahkan ibu bapa membuat persiapan untuk anak-anak yang bersekolah. Jangan lupa untuk mengunjungi mana-mana satu daripada 41 buah cawangan Happy Home hari ini.

Rama-rama Malaysia

Rama-rama adalah sejenis serangga yang mempunyai sayap yang berwarna-warni, bercorak dan menarik berbanding dengan kupu-kupu yang berwarna malap. Rama-rama berterbangan pada waktu siang. Ia mempunyai sepasang sesungut di atas kepalanya untuk mengesan angin dan bau dalam udara. Sesungut rama-rama berbentuk seperti pemukul golf yang membengkok pada hujungnya. Terdapat sepasang mata yang peka kepada spektrum ultraungu di bahagian hadapan kepala rama-rama.

Iklm tropika yang panas di Malaysia sesuai untuk kitaran hidup rama-rama berlaku sepanjang tahun. Kitaran hidup rama-rama mengambil masa sebulan atau setahun bergantung kepada spesis yang berlainan. Rama-rama membiak secara bertelur. Ia boleh bertelur sekali atau banyak kali setahun. Kitaran hidup rama-rama terdiri daripada empat bahagian, iaitu peringkat telur, larva, pupa dan dewasa. Umumnya, rama-rama hidup antara seminggu hingga sebulan malahan ada yang mampu hidup sehingga 9 bulan.

Sumber makanan utama rama-rama ialah nektar atau madu. Oleh itu, rama-rama suka hinggap di atas bunga. Selain itu, rama-rama juga mendapat makanan daripada bahan seperti debunga, air sap pokok, bahan reput, tahi haiwan dan bahan mineral yang berlarutan dalam pasir lembap atau tanah. Rama-rama berperanan penting dalam habitat alam semulajadi. Ia membantu dalam proses pendebungaan tanaman. Namun, sesetengah daripada mereka adalah perosak kerana beluncas akan memakan daun.

Random acts of kindness

Random acts of kindness atau boleh dikenali sebagai suatu perbuatan yang baik hati secara rawak, tanpa diduga atau dirancang dan ikhlas terhadap orang lain. Istilah ini juga boleh ditafsirkan sebagai suatu perbuatan amal atau bantuan yang diberikan kepada orang yang tidak dikenali tanpa mengharapkan balasan. *National Random Acts of Kindness Day* disambut pada 17 Februari setiap tahun. Sambutan ini kian mendapat tumpuan daripada golongan individu, kumpulan dan persatuan yang menggalakkan amalan berbuat baik kepada komuniti tanpa ganjaran. Sambutan ini bertujuan untuk menyaran orang ramai mengamalkan sikap baik hati terhadap masyarakat atau orang di sekeliling dan tidak hanya mengutamakan kepentingan diri sendiri. Justeru, apakah yang boleh kita lakukan untuk menyebarkan konsep berbuat baik ini? Banyak. Contohnya:

- Berikan tempat duduk anda semasa menaiki pengangkutan awam.
- Berikan senyuman kepada orang yang kita temui sama ada orang yang dikenali atau tidak.
- Menderma kepada rumah kebajikan atau orang yang memerlukan
- Membantu ahli keluarga membuat kerja rumah
- Memberitahu guru di sekolah betapa banyak anda menghargai didikan dan tunjuk ajar mereka
- Tulis nota atau mengucapkan terima kasih kepada golongan yang cenderung kita abaikan seperti pihak polis, bomba, tukang bersih, petani, nelayan dan sebagainya.

Bayangkan jika kita mampu membantu seseorang, dan orang yang dibantu pula membantu rakan yang lain, amalan kebaikan ini akan menular ke lingkungan yang lebih luas. Mereka yang sering mengamalkan amalan berbuat baik secara ikhlas mendapati bahawa mereka bukan sahaja menggembirakan orang lain tetapi juga membawa kegembiraan dan kebahagiaan kepada diri sendiri. Bagaimanakah perbuatan baik orang lain mempengaruhi kehidupan anda? *Tuliskan pengalaman ringkas tentang perbuatan baik anda terhadap orang lain dalam ruangan yang disediakan pada lembaran mewarna. Anda juga boleh menceritakan peristiwa perbuatan baik orang lain terhadap anda dan perasaan anda.*

Cara untuk mengabil bahagian

- Sila ambil Lembaran mewarna secara percuma di mana-mana Happy Home yang terdekat.
- Warnakan lembaran dan hantar semula ke Happy Home.
- Sila ikuti Facebook kami di [@happyhomemalaysia](https://www.facebook.com/happyhomemalaysia) dan Happy Home Laman sesawang rasmi www.happyhome.com.my.
- Pihak kami akan memaparkan semua lembaran di laman sesawang rasmi dan Facebook Happy Home

Butiran ibu / bapa

Name: _____

Alamat: _____

Bandar: _____ Poskod: _____ Negeri: _____

Tel: _____ Emel: _____

Sila beritahu kami?

1) Adakah kakitangan mesra, ramah membantu dan berpengetahuan?

2) Adakah barangan disusun dengan teratur dan mudah untuk dijumpai?

** Sila hantar semula ke lembaran mewarna ke Happy Home sebelum **28.02.2019**

For Happy Home Office Use Only

Branch Code: _____

Lembaran: 2019.02.v1.0.i